

# ZORADINE SYRUP

Carbocisteine (2% w/v)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Zoradine Syrup
2. Bagaimana Zoradine Syrup berfungsi
3. Sebelum mengambil Zoradine Syrup
4. Cara menggunakan Zoradine Syrup
5. Semasa menggunakan Zoradine Syrup
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Zoradine Syrup
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Risalah ini menjawab beberapa soalan lazim tentang Zoradine Syrup. Ia tidak mengandungi semua maklumat yang tersedia. Ia juga tidak menggantikan tempat ahli farmasi atau doktor anda.

Semua ubat mempunyai risiko dan manfaat. Ahli farmasi atau doktor anda telah mempertimbangkan risiko anda mengambil Zoradine Syrup berbanding manfaat yang mereka jangka untuk anda.

Simpan risalah ini bersama ubat.

Anda mungkin perlu membacanya lagi.

## Apakah kegunaan Zoradine Syrup

Zoradine Syrup digunakan dalam rawatan sesak saluran pernafasan terutamanya semasa episod akut keradangan saluran yang membawa udara ke paru-paru anda.

## Bagaimana ZORADINE SYRUP berfungsi

Zoradine Syrup mengandungi Carbocisteine sebagai bahan aktif.

Carbocisteine tergolong dalam kumpulan ubat "mucolytics". Ia berfungsi untuk mencairkan kahak dan memudahkan kahak terbatuk keluar.

Tanya ahli farmasi atau doktor anda sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan tentang ubat ini.

## Sebelum menggunakan Zoradine Syrup

-Bila tidak boleh mengambil

- Jangan mengambil Zoradine Syrup sekiranya anda alah kepada Carbocisteine atau mana-mana bahan dalam ubat ini. Tidak disyorkan pada kanak-kanak di bawah dua (2) tahun.
- Tanda-tanda tindak balas alahan seperti; ruam, masalah menelan dan bernafas, Bengkak pada bibir, muka, tekak atau lidah.

## -Sebelum mula mengambil

Maklumkan ahli farmasi atau doktor jika anda mengalami atau pernah mengalami masalah perubatan berikut:

- Kencing manis
- Mempunyai ulcer di perut atau usus.

Kehamilan dan penyusuan badan:

- Ubat ini hanya boleh diambil semasa mengandung atas nasihat doktor. Jika anda hamil semasa rawatan, sila maklumkan doktor anda kerana hanya beliau yang dapat membuat keputusan samada anda boleh meneruskan pengambilan ubat ini.
- Pengambilan ubat adalah selamat semasa menyusu.
- Hendaklah sentiasa mendapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil ubat ini jika anda hamil atau menyusukan bayi.

## -Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

## Cara menggunakan Zoradine Syrup

-Berapa banyak harus digunakan

Ikat preskripsi doktor.

## Kanak-kanak yang berumur 2 hingga 5 tahun:

1 sudu teh 2 kali sehari

## Kanak-kanak berumur lebih dari 5 tahun:

1 sudu teh 3 kali sehari

-Bila perlu digunakan

Ikat arahan doktor atau ahli farmasi anda.

-Berapa lama perlu digunakan

Ia bergantung kepada keadaan anda dan tindak balas anda terhadap rawatan. Sesetengah orang hanya memerlukan ubat ini untuk tempoh yang singkat sementara orang lain mungkin memerlukan rawatan jangka panjang.

-Jika terlupa menggunakan

Jangan menggandakan pengambilan dos untuk menggantikan dos yang ketinggalan.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Segera hubungi doktor anda atau pergi ke Bahagian Kemalangan dan Kecemasan di hospital terdekat. Bawa ubat bersama anda supaya doktor tahu ubat-ubat yang telah diambil. Tiada maklumat berkenaan terlebih dos.

## Semasa menggunakan Zoradine Syrup

-Perkara yang perlu dilakukan

Jika anda bersedia untuk memulakan pengambilan ubat baru yang lain, maklumkan ahli farmasi atau doktor anda yang anda sedang mengambil Zoradine Syrup.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan minum alkohol (minuman keras) semasa mengambil Zoradine Syrup.

# ZORADINE SYRUP

Carbocisteine (2% w/v)

## Perkara yang perlu diberi perhatian

Bagi orang yang mempunyai kencing manis atau sedang menjalani diet gula yang rendah, kandungan sukrosa perlu diambil perhatian.

## **Kesan-kesan sampingan**

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda secepat mungkin jika anda berasa tidak sihat semasa anda mengambil Zoradine Syrup.

Zoradine Syrup membantu kebanyakan orang yang mengambilnya tetapi ia mungkin mempunyai kesan sampingan yang tidak diingini pada sesetengah orang. Seperti ubat-ubatan lain, Zoradine Syrup boleh menyebabkan beberapa kesan sampingan, sesetengah kesan sampingan mungkin serius tetapi selalunya tidak.

Kemungkinan gangguan gastrousus seperti; loya, muntah, cirit-birit. Jika gejala-gejala ini berlaku, disyorkan untuk mengurangkan dos. Gejala lain mungkin termasuk gegata.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects /AEFI / Vaccine Safety*).

## **Cara penyimpanan dan pelupusan Zoradine Syrup**

### -Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C. Simpan di dalam bekas yang tertutup. Simpan di tempat yang terlindung daripada cahaya yang kuat. Jauhkan daripada kanak-kanak.

### -Pelupusan

Lupuskan ubat selepas tarikh luput. Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk

kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## **Maklumat lanjut**

### -Rupa dan warna

Zoradine Syrup adalah cecair sirap jernih dengan perasa raspberry.

Zoradine Syrup boleh didapati dalam botol plastik 90ml.

### -Bahan-bahan kandungan

-Bahan-bahan aktif:  
Setiap botol mengandungi Carbocisteine 100mg/5ml.

-Bahan-bahan tidak aktif:  
Sucrose, Sodium Hydroxide, Purified Water, Propylene Glycol, Ponceau 4R, Raspberry Flavour, Propylparaben, Methylparaben.

### -Nombor MAL:

MAL10100182X

## **Pengilang**

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.  
Lot 10, Jalan Sultan Mohamed 6,  
Bandar Sultan Suleiman,  
42000 Port Klang, Selangor,  
Malaysia.

## **Pemegang Pendaftaran Produk:**

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.  
Lot 10, Jalan Sultan Mohd. 6,  
Bandar Sultan Suleiman,  
42000 Port Klang, Selangor,  
Malaysia.

## **Tarikh kemaskini RiMUP**

-20/04/2017

## **Nombor Siri:**

BPK(R4/1)120417/00078